

Tingkat kerjasama dengan institusi di seberang laut — PM

KUALA LUMPUR 11 Mac — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad mahu institusi pengajian tinggi di negara ini meningkatkan kerjasama dengan institusi pengajian tinggi ternama di seberang laut untuk menentukan kualiti pendidikan tidak terjejas.

Menurut Perdana Menteri, kerjasama itu juga adalah lebih baik kerana ia mampu memberi persediaan kepada penuntut Malaysia sebelum mereka melanjutkan pelajaran ke luar negara di samping mengurangkan pengaliran keluar ringgit.

"Terdapat banyak masalah di kalangan penuntut yang terlalu muda apabila terdedah kepada budaya asing," kata-

nya ketika berucap merasmikan Institut Teknologi Tun Abdul Razak (ITTAR) di Jalan Tuanku Abdul Rahman di sini hari ini.

ITTAR ditubuhkan oleh Koperasi Usaha Bersatu Malaysia (KUB) bertujuan menyediakan peluang pendidikan kepada anak ahli - ahlinya, khususnya pendidikan dan latihan peringkat profesional, vokasional dan teknikal.

Institut ini menyediakan program diploma dalam empat bidang — pengurusan perniagaan, pengurusan pemasaran, perakaunan dan pentadbiran pejabat di samping enam program peringkat sijil — komputer, menaip, trengkas, 'shorthand,' perakaunan dan bahasa.

Dr. Mahathir berkata, kerajaan sentiasa mengalukan penubuhan institusi pendidikan swasta seperti ITTAR, lebih-lebih lagi ia diilhamkan dan dilahirkan oleh sebuah koperasi yang didokong oleh orang Melayu.

Di samping itu, kata beliau, penubuhan institusi pendidikan swasta dengan sendirinya memperkenalkan elemen penswastan ke dalam sistem pendidikan negara, tanpa kerajaan sendiri mengambil langkah tertentu ke arah penswastan itu seperti yang dilakukan dalam penswastan Telekom, Pos dan Tenaga Nasional.

Perdana Menteri berkata, pihak swasta juga lebih ber-

upaya memainkan peranan yang lebih berkesan dalam menyediakan tenaga mahir untuk memenuhi kehendak pasaran pekerjaan kerana ia fleksibel dalam merangka sesuatu pendekatan mengikut keperluan tenaga manusia, berbanding dengan sektor awam.

Menurutnya, penubuhan lebih banyak pusat pengajian tinggi swasta, termasuk oleh institusi pendidikan luar negara membolehkan kerajaan mengagihkan wang untuk keperluan lain yang juga penting.

Katanya, walaupun Malaysia mengamalkan Dasar Pelajaran Kebangsaan, kerajaan mempunyai pandangan luas dan pragmatik dalam usaha menyediakan pendidikan yang berkualiti selaras dengan matlamat Wawasan 2020 kerana maruah dan kehormatan bangsa bergantung kepada kejayaan dan kekuatannya sendiri.

Beliau menambah, sambutan terhadap institusi pendidikan swasta sangat menggalakkan kerana keperluan terhadap kehendak pengetahuan yang mendesak dan ramai rakyat Malaysia mengambil peluang itu untuk melengkapi diri menghadapi cabaran pembangunan negara yang pesat, terutama dalam bidang perindustrian.

Sementara itu, Pengerusi KUB merangkap Presiden ITTAR, Encik Hassan Harun berkata, KUB akan mengadakan lebih banyak peluang pendidikan dan latihan dalam bidang profesional, teknikal dan vokasional sama ada berseendirian ataupun kerjasama dengan institusi dalam serta luar negara.

Sehubungan itu, katanya, ITTAR akan membuka cawangan - cawangan di seluruh negara secara murah dengan menyewa bangunan - bangunan yang sedia ada dan melengkapkannya dengan teknologi pendidikan dan latihan terbaru.

"Cawangan ITTAR ini akan menjadi infrastruktur yang lengkap lagi canggih untuk peningkatan pen- didikan di masa depan," katanya.